



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	03.10.2022	Ke Mana RM84 Juta Sebulan Cukai Ses Getah Dibelanjakan?	2
2.	06.10.2022	Rundingan Bekal Sistem Meriam SPH Masih Berjalan	3
3.	08.10.2022	RM16.5 Bilion Untuk Sektor Pengangkutan	4
4.	08.10.2022	Lima Wilayah Koridor Utama Terima RM1.4B	5
5.	08.10.2022	RM15B Bagi Rancangan Tebatan Banjir	6
6.	13.10.2022	Bekas Pengarah Didenda RM5,000 Palsu Dokumen	7

3 OKTOBER 2022 | ISNIN | MUKA SURAT : 2

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 3 OKTOBER 2022

Dalam Negeri

Ke mana RM84 juta sebulan cukai ses getah dibelanjakan?

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamula.com.my

KUANTAN: Setiap bulan dianggarkan kira-kira RM84 juta dikutip menerusi cukai ses yang dikenakan kerajaan terhadap 500,000 pekebun kecil.

Sejak 1952, bagi membiayai dan melaksanakan rancangan tanam semula kebun getah pekebun kecil, kerajaan meluluskan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952 yang memperuntukkan kutipan cukai ses RM0.14 sen sekilogram getah.


Daripada kutipan ses ini, 10 sen dikumpulkan untuk dipulangkan sebagai 'bantuan' tanaman semula getah manakala empat sen lagi diperuntukkan untuk penyelidikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, setiap bulan dianggarkan pekebun dapat menghasilkan 1,200 kilogram getah untuk dua hektar ladang.

"Dianggarkan, cukai ses dibayar pekebun untuk sebulan adalah 1,200x0.14x500,000 penoreh yang membabitkan RM84 juta.

"Jumlah RM84 juta sebulan itu hanya membabitkan pekebun getah dan tidak melibatkan pengusaha ladang yang turut dikenakan cukai terbabit, dengan jumlah sama 0.14 sen.

"Jika ditambah pengusaha



SETIAP bulan dianggarkan kira-kira RM84 juta dikutip menerusi cukai ses yang dikenakan kerajaan terhadap 500,000 pekebun kecil.

ladang getah, jumlah cukai ses dikutip dianggarkan lebih RM1 bilion setahun. Ke mana duit cukai itu dibelanjakan dan apa hasilnya? Sebab nasib penoreh masih sama sejak sekian lama," katanya di sini semalam.

Selama 145 tahun wujud bermula 1877, pelbagai permasalahan berlaku dalam industri itu terutama isu ketidakstabilan harga sekali gus menyebabkan nasib 500,000 penoreh tidak

banyak berubah sehingga kini.

Utusan Malaysia pada Jumaat lalu melaporkan, ramai pekebun tidak sanggup lagi meneruskan tanaman getah sebagai sumber pendapatan apabila harga komoditi itu tidak pernah stabil dan kini berada paras terendah iaitu RM2.30 hingga RM2.40 sekilogram.

Mereka berpendapat, bertukar kepada kelapa sawit lebih menguntungkan apabila mam-

pu memperoleh pendapatan sehingga RM3,000 sebulan untuk 2.42 hektar ladang berbanding RM1,200 bagi keluasan sama untuk kebun getah.

Mengulas lanjut, Mohd. Firdaus mempersoalkan ke mana duit cukai RM84 juta tersebut dibelanjakan terutama pada setiap bulan.

"Adakah ia dibazirkan dengan disalurkan setiap bulan kepada lebih lima agensi yang ditubuhkan bagi menjaga industri serta kebajikan pekebun dan penoreh getah," soalnya.

Beliau berkata, kerajaan disaran supaya mewujudkan satu agensi sahaja bagi menguruskan pekebun kecil getah seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

"Sekarang tidak perlu lagi banyak agensi urus getah, ambil contoh MPOB, walaupun ada hampir satu juta pekebun kecil sawit, ia berjaya diuruskan oleh agensi terbabit.

"Getah juga perlu agensi tunggal seperti MPOB yang mana berperanan memacu kemakmuran industri getah negara melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang," katanya.

Beliau berkata, apabila wujud satu agensi tunggal menguruskan industri getah, ia sekali gus dapat mengelakkan pembaziran khususnya duit cukai ses yang dikutip dari pekebun dan pengusaha ladang.

6 OKTOBER 2022 | KHAMIS | MUKA SURAT : 3

Rundingan bekal sistem meriam SPH masih berjalan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Dakwaan tender pembekalan sistem meriam artileri jenis self-propelled howitzer (SPH) Tentera Darat (TD) bernilai RM854 juta kepada syarikat baharu tidak benar.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, proses perundingan masih berjalan dan tidak seperti yang didakwa dan tersebar ketika ini.

Menurut beliau, pendedahan berkenaan sistem meriam SPH itu adalah cubaan untuk menimbulkan kekeuhan dan keraguan kepada pihak Kementerian Pertahanan (Mindef).

"Saya boleh nyatakan di sini bahawa sistem meriam SPH ini kita belum beri lagi (kepada mana-mana syarikat) dan proses

rundingan antara Mindef dan Kementerian Kewangan (MOF) masih diteruskan.

"Dalam landskap politik hari ini akan ada macam-macam benda yang diluahkan. Saya minta semua rakyat bertenang dan bernarkan proses berjalan seperti biasa," kata beliau pada sidang akhbar selepas lawatan kerjanya ke Kem Perdana Sungai Besi di sini semalam.

Terdahulu, Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli mendedahkan sebuah syarikat yang tiada pengalaman dalam industri pertahanan dan baru ditubuhkan kurang dua tahun memperoleh tender pembekalan aset senjata ATM tersebut.

Rafizi memaklumkan, beliau sendiri sudah membuat semakan dan mengkaji berkenaan perolehan tender sistem meriam SPH selama berbulan-bulan sebelum

mendedahkannya kelmarin.

Bekas Ahli Parlimen Pandan itu juga menyatakan Mindef membuat permohonan kepada MOF supaya perolehan tender sistem meriam SPH dilaksanakan mengikut tender terhad.

Bagaimanapun, lapor orang kuat PKR itu lagi, permohonan tersebut ditolak oleh wakil Bahagian Perolehan Kerajaan.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, sebelum ini surat-surat antara kementerian adalah rahsia tetapi kini sesuatu perkara itu tidak lagi boleh disorok.

"Ini menjadi satu perkara yang perlu kita lihat di Mindef. Setakat proses mahu memberikan projek bagi saya tak risau sangat tetapi sekiranya maklumat-maklumat rahsia berhubung kait dengan perkara, peralatan dan boleh menjejaskan kesiapsiagaan kita

bocor kepada musuh-musuh, itu lebih membimbangkan.

"Bagaimana ia boleh bocor sebelum proses tamat, walla-hualam," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin turut memaklumkan bahawa Mindef mengambil pengajaran daripada isu sebelum ini iaitu projek perolehan kapal tempur pesisir pantai (LCS) supaya perkara sama tidak berulang.

"Cadangan-cadangan daripada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sedang kita teliti, kalau ada kebaikan kita akan laksanakan:

"Sebab itu saya lihat yang penting adalah proses, kita perlu tambah baik mengikut pengalaman kita lalu. Sebab itu pertimbangan di antara keselamatan pertahanan dan keterbukaan ada had serta batasannya," jelasnya.

8 OKTOBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 6

Nasional

Sabtu, 8 Oktober 2022

RM16.5 bilion untuk sektor pengangkutan

Peruntukan disalurkan menerusi beberapa projek infrastruktur utama negara

BAJET
2023

mitmen kerajaan untuk melengkapkan rangkaian rel Kuala Lumpur, dengan jajaran sepanjang 50.8 kilometer.

"MRT 3 Fasa 1 dijangka siap pada 2028, manakala Fasa 2 pada 2030. Projek ini membabitkan kos RM50.2 bilion dengan unjuran perbelanjaan pada 2023 sebanyak RM3.3 bilion."

Kuala Lumpur: Bajet 2023 memperuntukkan sejumlah RM16.5 bilion untuk sektor pengangkutan negara, yang disalurkan menerusi beberapa projek infrastruktur utama.

Antara projek berkenaan ialah Lebuhraya Pan Borneo, Landasan Kereta Api Berkembar Gemas-Johor Bahru, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Sistem Transit Rapid (RTS) Link dan Jalan Lingkaran Tengah (CSR).

Ketika ini, jajaran Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak dijangka siap sepenuhnya dalam masa terdekat untuk manfaat rakyat di negeri itu, manakala jajaran di Sabah dijangka siap sepenuhnya menjelang 2024.

Daripada RM16.5 bilion diperuntukkan kepada sektor pengangkutan, RM11.4 bilion dihususkan untuk penambahbaikan dan penambahan aset, termasuk jalan raya Persekutuan dan bangunan kerajaan.

Mengenai perkembangan projek Transit Aliran Massa (MRT) Fasa 2 yang membabitkan Stesen Kampung Batu ke Putrajaya Sentral, ia kini hampir siap sepenuhnya dan dijangka mula beroperasi pada Januari depan untuk manfaat penduduk Lembah Klang.

Lanjutan itu, projek MRT 3 akan dilaksanakan sebagai ko-

RM2.55b untuk luar bandar

Sementara itu, peruntukan bernilai RM2.55 bilion disediakan bagi kemudahan infrastruktur luar bandar dengan tumpuan kepada Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan beberapa projek.

Ia membabitkan projek jalan luar bandar dan perhubungan desa hampir 500 kilometer (km), bernilai RM1.5 bilion yang akan memanfaatkan lebih 110,000 penduduk, antaranya dari Kampung Orang Asli Bawong Kuala Kangsar ke Rancangan Penempatan Semula Kemar, Perak.

Selain itu, projek bekalan elektrik luar bandar membabitkan

peruntukan RM472 juta yang akan memanfaatkan penghuni 2,100 rumah serta kerja awalan bagi membina 85 jambatan baharu, menggantikan kemudahan uzur dan tidak selamat dengan peruntukan RM54 juta.

Projek Bekalan Air Luar Bandar dan Bekalan Air Alternatif bernilai RM381 juta bagi manfaat penghuni 4,800 rumah, antaranya di Ladang RISDA Palong di Jempol, Negeri Sembilan serta projek Lampu Jalan Kampung melalui pemasangan baharu 6,800 unit lampu dan penyelenggaraan membabitkan kos RM123 juta.



Projek Lebuhraya Pan Borneo antara projek infrastruktur utama diberi tumpuan dalam Bajet 2023.

8 OKTOBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT : 6

Lima Wilayah Koridor utama terima RM1.4b

Lima Wilayah Koridor utama negara akan menerima peruntukan keseluruhan RM1.4 bilion, iaitu meningkat dua kali ganda berbanding RM690 juta pada tahun ini.

Pada pembentangan Bajet 2023, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan, program utama yang dilaksanakan termasuk Projek Ladang Tenusu di Chuping, Perlis dengan kos RM80 juta.

"Kedua pula adalah Program Pembangunan Modal Insan bagi meningkatkan prestasi akademik anak B40 dengan peruntu-

kan RM63 juta dan ketiga, Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit di Johor dengan peruntukan RM80 juta.

"Program keempat pula adalah Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay di Sabah dengan peruntukan RM250 juta dan kelima, Projek Infrastruktur Bekalan Air Samalaju Fasa 3 di Sarawak dengan peruntukan RM100 juta," katanya.

Beliau berkata, bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi koridor, pakej galakan cukai sedia ada yang akan tamat pada tahun ini akan ditambah baik dan dilanjutkan untuk tempoh

RM4 bilion

Pelaburan domestik oleh sektor swasta

RM150 juta

Pembangunan bandar bersempadan Thailand dan Kalimantan

dua tahun lagi.

"Pertumbuhan ekonomi di utara akan terus dipacu melalui projek Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) Delapan di Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Kerajaan berhasrat membangunkan hab lalu lintas digital dan pusat data alternatif bagi rantau Asia Tenggara di kawasan seluas 81 hektar di SBEZ Delapan.

"Tahun depan, RM25 juta disediakan untuk infrastruktur utama, selain sektor swasta pula akan melabur aset perniagaan dengan potensi pelaburan domestik sehingga RM4 bilion dan me-

nyediakan lebih 600 peluang pekerjaan," katanya.

Selain itu, Tengku Zafrul berkata, kerajaan merancang untuk membangunkan bandar bersempadan Thailand dan Kalimantan, Indonesia termasuk Bukit Kayu Hitam di Kedah; Kalabakan, Sabah serta Tebedu dan Bakelalan, di Sarawak dengan kos RM150 juta.

Malah, kerajaan bercadang memulakan kerja awalan bagi pembinaan jalan baharu dari Kalabakan Sabah ke Simanggaris Indonesia dan menaik taraf Jalan Serian-Tebedu Sarawak ke sempadan Indonesia.

8 OKTOBER 2022 | SABTU | MUKA SURAT :

RM15b bagi Rancangan Tebatan Banjir

PETALING JAYA: Kerajaan bercadang memperuntukkan RM15 bilion Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sehingga tahun 2030 melalui Bajet 2023.

Peruntukan itu sebagai strategi jangka panjang untuk beradaptasi dengan perubahan iklim di seluruh negara.

Sebanyak RM562 juta juga diperuntukkan bagi Projek Empangan Sabo di 46 lokasi selu-

ruh negara bagi mengurangkan risiko banjir puing dan banjir lumpur.

Kerajaan turut bercadang memperuntukkan RM400 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana (Nadma) supaya bersiaga membantu dengan segera jika berlaku banjir pada hujung tahun ini.

“RM500 juta bagi projek fasa tambahan Lembangan Sungai

Bersepadu di Sungai Golok, Kelantan dan RM2 bilion bagi pembinaan Kolam Takungan Dwifungsi, sebagai strategi mengatasi masalah banjir dan pusat penyimpanan bekalan air mentah,” katanya.

Sementara itu sebanyak hampir RM400 juta diperuntukkan dalam Bajet 2023 bagi menambah baik perkhidmatan bas henti-henti, pengangkutan udara

dan feri di beberapa negeri.

Jumlah itu termasuk peruntukan RM180 juta yang disediakan antara lain bagi menambah baik capaian bas awam untuk penduduk di Melaka, Kota Kinabalu dan Kuching.

Kerajaan juga akan menggantikan 18 bas henti-henti kendalian Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk manfaat penduduk di Kedah.

13 OKTOBER 2022 | KHAMIS | MUKA SURAT : 12

Bekas pengarah didenda RM5,000 palsu dokumen



MOHD. Irwan Redzuan didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN M. AMIN

SEREMBAN: Dua individu termasuk bekas Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Sembilan dan Melaka dijatuhi hukuman denda di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memalsukan dokumen tuntutan majlis makan berjumlah RM13,200, enam tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Mohd. Irwan Redzuan Abdullah, 45, dan Haslin Abdul Razak, 47, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed.

Tertuduh pertama, Mohd. Irwan yang merupakan bekas pemilik syarikat Salju Asli Enterprise dijatuhi hukuman denda RM8,000.

Tertuduh kedua, iaitu Haslin yang merupakan bekas Pengarah JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka didenda RM5,000.

Sekiranya gagal membayar denda, kedua-dua tertuduh masing-masing boleh dikenakan penjara lima dan empat bulan. Mereka membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, mereka dengan niat bersama dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tullen iaitu invoice Salju Asli Enterprise nombor SA2016/10 untuk tuntutan perkhidmatan makan dan minum sempena Majlis Ramah Mesra Pengarah JAKOA bersama penduduk Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah yang mana mereka mempunyai sebab mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pejabat JAKOA Negeri Sembilan dan Melaka, di sini pada 6 Disember 2016.

Sehubungan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh

dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun yang sama.

Terdahulu, dalam prosiding kes, Mohd. Irwan yang diwakili peguam Iszam Ismail memohon hukuman yang ringan atas alasan dia kini hanya bekerja sebagai penoreh getah selepas syarikat ditutup dan menyara lima anak berusia empat tahun hingga 22 tahun.

Sementara itu, Haslin yang diwakili peguam Abdul Hamid Manon Abdullah memohon hukuman ringan atas alasan mempunyai empat anak yang masih kecil dan bersekolah serta sepanjang berkhidmat telah bertugas dengan cemerlang.

Mahkamah menetapkan wang RM13,200 milik Kelab Sukan dan Kebajikan JAKOA dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia melalui Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).